| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Langgar kereta di hadapan jadi punca | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Sep 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 18 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 189 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,007 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,020 |



# Langgar kereta di hadapan jadi punca

**SUBANG** - Kemalangan di KM5.5 Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) arah Shah Alam-KLIA kelmarin yang tular di media sosial dipercayai berpunca daripada pelanggaran antara dua kereta.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Risikin Satiman berkata, dalam kejadian itu kereta mangsa telah melanggar sebuah kereta lain jenis Honda Accord yang berada di hadapannya di lorong tengah.

Menurutnya, perlanggaran itu menyebabkan kereta dipandu wanita berkenaan hilang kawalan sebelum terbalik.

"Kereta Honda City mangsa rosak teruk akibat kemalangan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Risikin berkata, mangsa mengalami luka di tangan kanan dan lebam di lutut kiri susulan daripada kejadian itu.

"Mangsa dihantar ke Hospital Putrajaya bagi menerima rawatan lanjut," katanya.

Sebelum itu, kemalangan pada jam 6.20 petang itu tular di media sosial apabila Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memuat naik beberapa keping gambar menunjukkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah membantu mangsa terlibat ketika berangkat pulang daripada Program Anak Anak Malaysia Walk 2019 di Setia Alam.

Menerusi kemas kini status di laman Facebook rasmi beliau, Mohamed Azmin turut memaklumkan Yang di-Pertuan Agong turut bertitah agar polis pengiring segera memberi bantuan dan menghantar mangsa ke hospital.



## Agong bantu mangsa nahas

*Al-Sultan Abdullah ketika itu dalam perjalanan pulang selepas menjayakan program di Setia Alam*

MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM

Beberapa keping gambar yang dimuat naik oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali di Facebook beliau menunjukkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli berhenti dan membantu mangsa kemalangan.

Menerusi tiga hantarannya, Mohamed Azmin berkata, kemalangan tersebut berlaku di Persimpangan USJ, Lebuhraya Elite yang menyebabkan sebuah kereta terbalik.

Menurutnya, Yang di-Pertuan Agong ketika itu berangkat pulang selepas menjayakan Program Anak-Anak Malaysia Walk 2019 di Setia Alam semalam.

"Seri Paduka Baginda yang melalui Lebuhraya Elite telah berkenan untuk berhenti dan membantu mangsa kemalangan yang terlibat.

"Mangsa kemalangan merupakan seorang wanita dan disebabkan bantuan kecemasan belum tiba, Seri Paduka Baginda tela... bertitah agar polis pengiring seg... ra memberi bantuan dan meng... hantar mangsa ke hospital.

"Begitulah kasihnya Seri Padu... ka Baginda te... Paduka Bagind... duli untuk me... bantu rakyatn... akar tidak aka... kata Mohame...

Yang di-Pertuan Agong mencemar duli berhenti dan membantu mangsa kemalangan d... Persimpangan USJ, Lebuhraya Elite semalam. Turut kelihatan Mohamed Azmin (kanan...

Laporan Sinar Harian semalam.

Powered by: isentia